

DOA DAN HARAPAN

SEORANG PELAJAR

MELAYU MICHIGAN

Saudara Pengarang;

BERSAMA-SAMA ini saya sertakan satu petikan rencana yang telah disiarkan dalam ruangan pengarang akhbar 'Lansing State Journal,' iaitu sebuah akhbar terkemuka di Lansing, Michigan pada 8 April 1987.

Akhbar - akhbar di Amerika Syarikat ini jarang - jarang sekali menyiarkan berita - berita yang berlaku di Malaysia ataupun yang berlaku di rantau Asia Tenggara, kalau adapun hanya berita - berita dari Filipina.

Oleh itu apabila berita seperti ini disiarkan saya berasa bangga kerana ia menggambarkan betapa populernya tokoh seperti Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Seperkara yang aneh ialah ramai orang Amerika yang saya temui di sini tidak tahu dekat mana letaknya Malaysia, tapi kalau sebut nama Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad terus mereka bertanya balik, bukankah itu seorang tokoh politik yang amat kontroversial di Asia?

Ketokohan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang doktor dan tokoh politik memang tidak dapat dinafikan lagi. Saya rasa kerana beliaulah dunia mengenali bahawa rakyat Malaysia, khususnya orang - orang Melayu bukanlah merupakan sebuah masyarakat 'pak turut' saja.

Dasar-dasar yang diamalkan oleh beliau seperti bekerja lebih masa, beli barangan Malaysia, Dasar Pandang Ke Timur dan sebagainya adalah merupakan dasar - dasar yang menyeru agar masyarakat kita berdikari. Kami di sini biasanya mendapat akhbar Utusan Malaysia dan The Straits Times lewat sebulan. Oleh demikian kami menerima

maklumat - maklumat pergolakan politik tanahair lewat sebulan.


Tidak berapa lama lagi pemilihan MT UMNO akan berlangsung dan setakat saya menulis ini saya masih tidak tahu sama ada Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan ditentang atau tidak. Tetapi saya berdoa semoga Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menang sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding. Saya berpendapat bahawa setakat ini Malaysia, khususnya orang - orang Melayu masih memerlukan pimpinan beliau.

Saya rasa masih tidak ada siapa yang mempunyai ketokohan dan berani macam beliau. Saya kagum seperti kata pengarang akhbar Lansing State Journal ini, "... he also happens to be the first Malaysian Prime Minister of former British colony who is not from an aristocratic family and educated in Britain. In fact, Mahathir could hardly be considered an 'insider' or even a proper member of the establishment."

Sebagai seorang rakyat biasa beliau betul memahami pahit maung kehidupan masyarakat Melayu kita.

Saya juga berdoa yang beliau akan dipilih semula sebagai Presiden UMNO dan saya fikir siapa yang menentang beliau itu sebagai orang yang tidak memahami hasrat dan kehendak masyarakat orang Melayu. Akhir sekali saya seru semua ahli UMNO sokonglah Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad untuk kebaikan bangsa Melayu masa depan. —

DARUZAMAN BAHRI,
1514 1, Spartan Village,
East Lansing, MI 48823,
USA.



INILAH keratan akhbar Lansing State Journal Michigan yang menyiarkan rencana tentang Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam keluarannya pada 8 April 1987.